

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

19 FEBRUARI 2019

SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	LARI BAWA MUATAN TANAH BERLEBIHAN	2
HARIAN METRO	PARAH DIHEMPAP RUNTUHAN TEMBOK PENGHADANG	3



UTUSAN MALAYSIA


Lori bawa muatan tanah berlebihan

SAUDARA PENGARANG,

SAYA ingin mengutarkan masalah lori yang membawa tanah secara berlebihan di Lebuh Raya Penyuruan Timur (EDL) dari Pasir Gudang menghala ke Kota Puteri, Masai.

Kedua-dua lori berkenaan amat berbahaya kerana mengangkut tanah melebihi had malah boleh dilihat ada tidak menutup tanah itu di belakang muatan lori akibat terlalu penuh.

Tindakan tidak bertanggungjawab itu mengakibatkan tanah atau batu kecil tidak disedari terjatuh atas jalan raya hingga terkena kenderaan yang berada di belakang.



SEBUAH lori membawa muatan tanah secara berlebihan dan dipandu secara berbahaya di Lebuh Raya Penyuruan Timur (EDL) dari Pasir Gudang menghala ke Kota Puteri, Masai.

Bukan itu sahaja, terdapat segelintir pemandu yang memandu dengan laju secara berbahaya dan memotong sesuka hati tanpa menghiraukan keselamatan pemandu lain.

Lori-lori berkenaan sering dilihat pada sebelah siang sebelum menghantar tanah itu ke satu tapak pembinaan di susur masuk ke perkampungan Orang Asli di Teluk Jawa. Ini kerana terdapat satu


UTUSAN
MALAYSIA
19/2/19

projek pembinaan perumahan atau bangunan komersial di kawasan tersebut dan kerja-kerja menambak serta meratakan tanah sedang rancak dilakukan.

Diharapkan pihak berkenaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) atau agensi berkaitan memantau dan mengambil tindakan berhubung masalah itu.

Nampak seperti ada sesuatu yang ‘tidak kena’ tetapi sebagai penduduk tempatan, saya cuba berfikiran positif dan bersangka baik. Diharapkan masalah ini segera dipatau.

Fauzi Amin
Kota Puteri, Pasir Gudang



HARIAN METRO

Parah dihempap runtuhan tembok penghadang

Pasir Gudang:

Seorang warga emas lelaki berusia 73 tahun cedera parah selepas dihempap runtuhan tembok penghadang bangunan dalam kejadian tanah runtuh di Taman Desa Harmoni, Kampung Sungai Buloh, Masai di sini.

Ketua Operasi dari Balai

Bomba dan Penyelamat Tebrau, Pegawai Bomba Kanan II, Kamarulzaman Sal-leh berkata, mangsa Azizan Ibrahim dikejarkan ke Hospital Sultan Ismail (HSI) selepas diselamatkan orang awam dalam kejadian jam 5.23 petang kelmarin.

Katanya, seramai enam anggota bersama sebuah

jentera dan sebuah Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dikeharkan ke lokasi sejurus menerima panggilan kecemasan.

"Berdasarkan maklumat, kejadian tanah runtuh berlaku berhampiran sebuah rumah. Tembok penghadang bangunan yang runtuh itu menghempap ru-

mah berhampiran.

"Terdapat dua mangsa berada di lokasi ketika itu dan seorang mangsa lelaki mengalami kecederaan di kepala dan bahu," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua mangsa dikeluarkan orang awam sebelum pihaknya tiba untuk memberikan rawatan awal kepada mangsa.

**HARIAN
METRO**
19/2/19

